BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Sorotan Bulanan
Januari 2019

Inflasi keseluruhan menjadi negatif pada bulan Januari namun inflasi teras pada amnya kekal stabil

Sumbangan kepada Inflasi



*Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir. Pengiraannya juga tidak termasuk anggaran kesan langsung perubahan dasar cukai.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran staf Bank Negara Malaysia

- Inflasi keseluruhan menurun kepada -0.7% (Disember 2018: 0.2%), disebabkan terutamanya oleh harga bahan api dalam negeri yang lebih rendah (Januari 2019: -13.1%; Disember 2018: -3.4%).
- Walau bagaimanapun, inflasi makanan meningkat kepada 1.0% pada bulan Januari (Disember 2018: 0.7%), disebabkan terutamanya oleh harga makanan di luar rumah yang lebih tinggi.
- Tidak termasuk kesan perubahan dasar cukai penggunaan, inflasi teras pada amnya kekal stabil pada 1.5% pada bulan Januari 2019 (Disember 2018: 1.6%).

Pertumbuhan eksport lebih kukuh pada bulan Disember 2018

Eksport Malaysia Mengikut Produk



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan MATRADE

- Eksport mencatatkan pertumbuhan lebih tinggi sebanyak 4.8% pada bulan Disember 2018 (November 2018: 1.6%), disebabkan oleh pertumbuhan eksport perkilangan yang lebih kukuh, didorong oleh eksport elektronik dan elektrik (*E&E*).
- Pada masa hadapan, pertumbuhan eksport dijangka perlahan, sejajar dengan pertumbuhan global dan kegiatan perdagangan yang menjadi sederhana.

Pembiayaan bersih terus berkembang

Pembiayaan Bersih Melalui Pinjaman Sistem Perbankan dan Bon Korporat



[1] Pembiayaan bersih merujuk pinjaman terkumpul sistem perbankan [kecuali institusi kewangan pembangunan (IKP)] dan bon korporat terkumpul.

Sumber: Bank Negara Malaysia

- Pembiayaan bersih[1] mencatatkan pertumbuhan tahunan 5.9% pada bulan Januari 2019 (Disember 2018: 6.3%) dalam keadaan pertumbuhan bon korporat terkumpul yang terus sederhana (Januari 2019: 7.3%, Disember 2018: 8.0%).
- Pertumbuhan pinjaman perniagaan terkumpul menurun kepada 4.8% pada bulan Januari 2019 (Disember 2018: 5.4%), terutamanya dalam sektor pembinaan, kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan dan harta tanah.
- Pertumbuhan pinjaman isi rumah terkumpul mampan pada 5.5% (Disember 2018: 5.6%).

Prestasi pasaran kewangan domestik bercampur-campur



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bursa Malaysia

- Ringgit menambah nilai sebanyak 1.2% berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) pada bulan Januari 2019. Hal ini didorong terutamanya oleh aliran masuk portfolio bukan pemastautin di tengah-tengah jangkaan bahawa kadar pengembalian dasar monetari AS ke paras wajar adalah lebih perlahan.
- Kadar hasil MGS 5 tahun menyusut 2.5 mata asas, selaras dengan trend kadar hasil bon serantau yang menurun.
- Walau bagaimanapun, FBM KLCI, merosot 0.4% disebabkan terutamanya oleh sentimen yang lebih lemah dalam sektor produk industri dan perkhidmatan di tengah-tengah kebimbangan terhadap harga komoditi yang tidak menentu, termasuk minyak mentah dan alumina.

Bank-bank mempunyai mudah tunai yang mencukupi bagi menyokong aktiviti pengantaraan dan memenuhi keperluan yang mendesak

Nisbah Mudah Tunai dan Pendanaan Sistem Perbankan



- Nisbah perlindungan mudah tunai sistem perbankan (*liquidity coverage ratio*, *LCR*) berada pada 144.3%, apabila semua bank mencatatkan paras LCR melebihi 100%[1].
- Profil pendanaan bank-bank pada amnya stabil. Nisbah pinjaman kepada dana dan nisbah pinjaman kepada dana dan ekuiti masing-masing pada 83.3% dan 72.5%.

[1] Basel III LCR dilaksanakan secara berperingkat sejak bulan Jun 2015, dengan pematuhan awal ditetapkan pada 60% dan kenaikan secara beransur-ansur sebanyak 10% setiap tahun sehingga 100% berkuat kuasa 2019. Pada 1 Januari 2019, keperluan minimum ditetapkan pada 100%.
Sumber: Bank Negara Malaysia

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No. Ruj.: 02/19/05

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1500 hari Khamis, 28 Februari 2019

SOROTAN BULANAN – JANUARI 2019

Inflasi keseluruhan menjadi negatif pada bulan Januari namun inflasi teras pada amnya kekal stabil

- Inflasi keseluruhan menurun kepada -0.7% (Disember 2018: 0.2%), disebabkan terutamanya oleh harga bahan api dalam negeri yang lebih rendah (Januari 2019: -13.1%; Disember 2018: -3.4%).
- Walau bagaimanapun, inflasi makanan meningkat kepada 1.0% pada bulan Januari (Disember 2018: 0.7%), disebabkan terutamanya oleh harga makanan di luar rumah yang lebih tinggi.
- Tidak termasuk kesan perubahan dasar cukai penggunaan, inflasi teras[1] pada amnya kekal stabil pada 1.5% pada bulan Januari 2019 (Disember 2018: 1.6%).

Pertumbuhan eksport lebih kukuh pada bulan Disember 2018

- Eksport mencatatkan pertumbuhan lebih tinggi sebanyak 4.8% pada bulan Disember 2018 (November 2018: 1.6%), disebabkan oleh pertumbuhan eksport perkilangan yang lebih kukuh, didorong oleh eksport elektronik dan elektrik (E&E).
- Pada masa hadapan, pertumbuhan eksport dijangka perlahan, sejajar dengan pertumbuhan global dan kegiatan perdagangan yang menjadi sederhana.

Pembiayaan bersih terus berkembang

- Pembiayaan bersih[2] mencatatkan pertumbuhan tahunan 5.9% pada bulan Januari 2019 (Disember 2018: 6.3%) dalam keadaan pertumbuhan bon korporat terkumpul yang terus sederhana (Januari 2019: 7.3%, Disember 2018: 8.0%).

[1] Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir. Pengiraannya juga tidak termasuk anggaran kesan langsung perubahan dasar cukai.

- Pertumbuhan pinjaman perniagaan terkumpul menurun kepada 4.8% pada bulan Januari 2019 (Disember 2018: 5.4%), terutamanya dalam sektor pembinaan, kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan dan harta tanah.
- Pertumbuhan pinjaman isi rumah terkumpul mampan pada 5.5% (Disember 2018: 5.6%).

Prestasi pasaran kewangan domestik bercampur-campur

- Ringgit menambah nilai sebanyak 1.2% berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) pada bulan Januari 2019. Hal ini didorong terutamanya oleh aliran masuk portfolio bukan pemastautin di tengah-tengah jangkaan bahawa kadar pengembalian dasar monetari AS ke paras wajar adalah lebih perlahan.
- Kadar hasil MGS 5 tahun menyusut 2.5 mata asas, selaras dengan trend kadar hasil bon serantau yang menurun.
- Walau bagaimanapun, FBM KLCI, merosot 0.4% disebabkan terutamanya oleh sentimen yang lebih lemah dalam sektor produk industri dan perkhidmatan di tengah-tengah kebimbangan terhadap harga komoditi yang tidak menentu, termasuk minyak mentah dan alumina.

Bank-bank mempunyai mudah tunai yang mencukupi bagi menyokong aktiviti pengantaraan dan memenuhi keperluan yang mendesak

- Nisbah perlindungan mudah tunai sistem perbankan (*liquidity coverage ratio*, *LCR*) berada pada 144.3%, apabila semua bank mencatatkan paras LCR melebihi 100%[3].
- Profil pendanaan bank-bank pada amnya stabil. Nisbah pinjaman kepada dana dan nisbah pinjaman kepada dana dan ekuiti masing-masing pada 83.3% dan 72.5%.

Bank Negara Malaysia
28 Februari 2019

---

[2] Pembiayaan bersih merujuk pinjaman terkumpul sistem perbankan [kecuali institusi kewangan pembangunan (IKP)] dan bon korporat terkumpul.
[3] Basel III LCR dilaksanakan secara berperingkat sejak bulan Jun 2015, dengan pematuhan awal ditetapkan pada 60% dan kenaikan secara beransur-ansur sebanyak 10% setiap tahun sehingga 100% berkuat kuasa 2019. Pada 1 Januari 2019, keperluan minimum ditetapkan pada 100%.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my